

## Strategi Kesantunan Berbahasa Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pelatih

Masnī Jamin<sup>1\*</sup>, Melor Fauzita Md. Yusoff<sup>1</sup> dan Mashetoh Abd. Mutualib<sup>1</sup>,

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

### ABSTRAK

Dalam melakasankan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), seorang guru pelatih memerlukan perancangan yang teliti sebelum memulakan sesi PdPc. Oleh itu, guru pelatih perlu menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran dan tanpa sedar juga menggunakan strategi kesantunan untuk berkomunikasi dengan murid-murid di bilik darjah. Dalam proses mengajar guru pelatih perlu menggunakan ujaran-ujaran yang sesuai untuk mencapai objektif PdPc dan menarik minat murid-murid belajar. Strategi kesantunan semasa berkomunikasi penting di bilik darjah untuk mendidik murid-murid dengan bahasa yang santun dan dapat digunakan dalam situasi sosial di persekitaran murid-murid. Kajian ini dijalankan akibat daripada kurangnya kajian yang memberi tumpuan kepada strategi kesantunan komunikasi oleh guru pelatih. Hal ini disebabkan banyak kajian terdahulu dijalankan lebih tertumpu kepada strategi kesantunan dalam budaya masyarakat sahaja. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti starategi kesantunan yang digunakan dalam PdPc guru pelatih. Penyelidikan ini menerapkan pendekatan kualitatif deskriptif dengan bersandarkan kepada kaedah analisis kandungan. Kajian ini menggunakan data yang diperoleh daripada rakaman PdPc guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) semasa menjalankan praktikum di sekolah. Data rakaman ditranskripsi terlebih dahulu sebelum dianalisis berdasarkan strategi kesantunan komunikasi Asmah Omar (2000). Dapatan kajian menjelaskan guru pelatih menggunakan strategi kesantunan komunikasi semasa PdPc, iaitu enam strategi kesantunan komunikasi Asmah. Hasil kajian ini, menerangkan bahawa guru pelatih menggunakan strategi kesantunan semasa berkomunikasi bagi menyampaikan matlamat dan objektif PdPc.

**Kata Kunci:** Guru Pelatih, Komunikasi, Strategi Kesantunan, Pembelajaran dan Pemudacaraan.

---

\*Koresponden: masnisamsu@gmail.com